

# Pakej bantuan PERMAI tepat, strategik atasi krisis

**Pengumuman** khas pakej bantuan Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (PERMAI) bernilai RM15 bilion yang diumumkan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, semalam dilihat tepat pada masanya, malah disifatkan mempunyai penumpuan yang cukup strategik.

Sebanyak 22 inisiatif diperkenalkan dalam pakej bantuan ekonomi ini sebagai tindak balas kepada tiga isu mencabar yang berlaku dalam negara mutakhir ini.

Ia membabitkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), proklamasi darurat dan bencana banjir yang melanda beberapa negeri.

Dari segi kronologi, PERMAI adalah pakej rangsangan kelima yang diumumkan oleh kerajaan sejak kita dilanda krisis pandemik COVID-19 ini pada Mac tahun lalu.

Walaupun gelombang ketiga wabak ini lebih mencabar, kerajaan dan rakyat secara keseluruhan dilihat lebih bersedia dan sudah memahami impak pandemik, terutama kepada ekonomi negara secara keseluruhan.

Oleh itu, pada masa PKP sedang dilaksanakan dan proklamasi darurat yang diperkenalkan ini, keadaan peniaga dan rakyat yang akan terjejas sudah dijangka.

Lantas, tanpa menunggu keadaan menjadi lebih parah, kerajaan memperkenalkan pakej bantuan PERMAI untuk mengurangkan bebanan yang ditanggung rakyat dan sektor perniagaan akibat sekatan pergerakan yang berlaku ini.

Namun, jelas dengan gelombang ketiga ketika ini, terutama bermula Oktober tahun lalu yang mana jangkitan seharian yang kebanyakannya mencecah empat angka - sektor kesihatan negara begitu terjejas.

Sebab itu pakej PERMAI meletakkan keutamaan kepada usaha memerangi wabak COVID-19 dengan lebih komprehensif sebagai matlamat paling utama daripada tiga yang digariskan.

Matlamat pertama ini digerakkan melalui empat inisiatif utama iaitu melaksanakan program vaksinasi COVID-19, mengukuhkan sistem kesihatan negara, meningkatkan kerjasama dengan hospital swasta dan memperkuatkan saringan kesihatan pekerja.

Hakikatnya, usaha untuk memulihkan dan seterusnya menyusun semula ekonomi akan menjadi sukar apabila lengkung jangkitan pandemik ini tidak dapat diratakan pada masa terdekat dan rantaian jangkitan wabak tidak dapat diputuskan dengan segera.

Realitinya, ketika ini, sistem kesihatan negara kita mengalami pelbagai ke-

ngangan dan cabaran akibat daripada jangkitan harian wabak yang semakin mencanak setiap hari.

Oleh itu, peruntukan tambahan sebanyak RM150 juta bagi menambah lebih daripada 3,500 anggota kesihatan yang terdiri daripada penolong pegawai perubatan, paramedik, juruteknologi makmal serta jururawat amat dialu-alukan.

Keluhan daripada pihak hospital swasta juga didengari, yang mana RM100 juta diperuntukkan untuk membantu dari segi meningkatkan kerjasama di antara hospital swasta dan juga awam dalam menangani wabak ini secara bersama.

Satu daripada isu penting yang membabitkan pengurusan penularan wabak COVID-19 ini adalah berkenaan dengan penularan dalam kalangan pekerja asing.

Oleh itu inisiatif sudah pun diperkenalkan supaya saringan terhadap pekerja asing dapat ditingkatkan pada masa hadapan.

Dalam konteks usaha untuk melandaikan lengkung jangkitan pandemik COVID-19 juga, satu daripada strategi penting digariskan adalah supaya rakyat melakukan saringan secara bersasar.

Untuk ini, perluasan skop pelepasan cukai bagi kos pemeriksaan kesihatan penuh adalah amat dialu-alukan. Inisiatif ini dilihat penting bagi memastikan penularan jangkitan dapat dicegah terlebih dahulu sebelum pembentukan kluster, yang berkemungkinan besar akan berlaku jika saringan tidak dilakukan dengan lebih awal.

Walaupun PKP kali ini berbeza dengan yang terdahulu dikuatkuasakan, kita tidak boleh menafikan kesannya terhadap rakyat dan perniagaan tetap ada, walaupun tidak seteruk pada tahun sebelumnya.

Antara sebab kenapa kesannya kali ini agak minimum kerana kaedah pelaksanaan PKP itu sendiri yang dibuat secara bersasar. Kedua, kerajaan sudah pun memperkenalkan empat pakej rangsangan ekonomi yang lalu membabitkan nilai RM305 bilion, yang meliputi lebih kurang 21 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara.

Ini ditambah dengan Belanjawan 2021 yang sudah diluluskan dengan jumlah

RM322.5 bilion, yang terbesar dalam sejarah Malaysia.

Apa yang lebih penting kali ini, vaksin kepada wabak COVID-19 sudah ditemui.

Oleh itu, inisiatif untuk memelihara kebajikan rakyat serta menyokong kelangsungan perniagaan diperkenalkan, di samping penambahbaikan yang dibuat ke dalam inisiatif sedia ada.

Antara program dan inisiatif ini adalah seperti mempercepatkan bayaran Bantuan Prihatin Rakyat (BPR), melaksanakan Program Bakul Makanan, meneruskan tempoh moratorium, menambah baik Program i-Sinar melalui Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Program Subsidi Upah 3.0 di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), serta meneruskan Geran Khas Prihatin Tambahan.

Peruntukan awal berjumlah RM200 juta juga disalurkan untuk membantu mangsa banjir, di samping RM50 juta bagi tujuan perbelanjaan operasi bencana, dengan arahan turut dikeluarkan supaya usaha itu dilaksanakan dengan lebih cepat.

Jelas, kita masih berada dalam keadaan sukar dan luar biasa akibat daripada pandemik COVID-19 ini.

Apa yang perlu difahami, keadaan luar biasa sebegini pastinya memaksa strategi yang dirangka juga perlu ditampilkan dalam bentuk yang luar biasa.

**Hakikatnya, usaha untuk memulihkan dan seterusnya menyusun semula ekonomi akan menjadi sukar apabila lengkung jangkitan pandemik ini tidak dapat diratakan pada masa terdekat dan rantaian jangkitan wabak tidak dapat diputuskan dengan segera.**

**Penulis adalah** Ketua Unit Penyelidikan Risiko Ekonomi dan Politik Universiti Utara Malaysia (UUM)

